

02 OCT 1998

Hanif-Anwar

KENYATAAN SAYA TIDAK MUDARATKAN PERBICARAAN ANWAR, KATA HANIF

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar hari ini mempertahankan kenyataannya mengenai kecenderungan homoseksual Datuk Seri Anwar Ibrahim pada minggu lepas dengan menyatakan bahawa ia tidak akan memudaratkan perbicaraan kes Anwar.

Katanya, ia adalah hak peribadi beliau untuk berbuat demikian kerana isu itu ada hubung kait dengan kepentingan awam dan tidak menyalahi undang-undang.

"Sesuatu kenyataan harus dibuat jika ia mempunyai kepentingan awam, hak peribadi (menurut) undang-undang subjudice," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar Satelit Asia Timur Malaysia (Measat) yang pertama di sini.

"Saya telah memikirkan sedalamnya perkara ini," kata Hanif, yang juga Pengerusi Binariang Berhad. Binariang memiliki Measat 1 dan 2 yang merupakan satelit pertama negara.

Rabu lepas, Hanif mengesahkan bahawa beliau pernah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1993 bahawa Anwar, yang pada masa itu Menteri Kewangan, mempunyai kecenderungan homoseksual.

Dalam satu sidang berita khas yang diadakan sehari selepas kenyataan Dr Mahathir yang antara lain mendedahkan laporan Hanif, bekas KPN itu berkata bahawa laporan beliau kepada Perdana Menteri berdasarkan "bukti yang meyakinkan" yang dikumpul oleh pegawainya.

Ditanya mengenai dakwaan Anwar bahawa polis telah memukul beliau semasa dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Hanif berkata: "Sesiapa pun boleh membuat dakwaan. Kita tidak tahu faktanya kecuali kita menyiasat. Biar siasatan dijalankan."

Beliau berkata, ramai orang yang ditahan mengikut ISA tetapi tiada di antara mereka yang didapati hilang atau "dicampak daripada helikopter."

"Ini adalah Malaysia...negara ini bukan seperti sesetengah negara di mana orang yang dalam tahanan hilang atau dicampak daripada helikopter," katanya.

Beliau juga berkata jika seseorang itu menghantukkan kepalanya ke dinding, dia juga akan mengalami bengkak-bengkak.

Bagaimanapun, beliau berkata kes Anwar dipukul harus ditentukan oleh mahkamah dan mana-mana anggota polis yang didapati bersalah harus menerima hukuman yang sewajarnya.

Hanif bagaimanapun enggan menyatakan sama ada mana-mana daripada lima orang yang disebut dalam pertuduhan terhadap Anwar terbabit dalam laporan awal beliau kepada Perdana Menteri.

Hanif dilantik sebagai KPN pada 8 Jun 1974 dan bersara pada 1993 dan merupakan orang yang paling lama berkhidmat sebagai KPN di negara ini.

-- BERNAMA

HJ RHM